

FAKTOR UTAMA MODEL TILAWAH AL-QURAN J-QAF TERHADAP ARAS KOMPETENSI MURID SEKOLAH RENDAH

*(The Main Factors of Tilawah al-Quran j-QAF Model on the Competency Levels of
Primary School Students)*

KHIDIR ABDUL HADI
MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL MANAF*
MOHAMAD HASIF JAAFAR

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRAK

Model Tilawah al-Quran merupakan salah satu daripada lima model utama yang terkandung dalam program j-QAF. Model ini berperanan sebagai elemen penting yang bertujuan memastikan semua murid Islam berjaya mengkhatamkan bacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah. Di samping itu, program ini merupakan satu pendekatan sistematik bagi memastikan murid-murid menguasai bacaan al-Quran dengan betul dan lancar, serta berupaya membaca, memahami dan menghayati nilai-nilai al-Quran dengan berkesan. Walaupun begitu, kajian-kajian lepas mendapati bahawa masih terdapat murid-murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan betul. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka faktor-faktor utama dalam Model Tilawah al-Quran melalui pelaksanaan program j-QAF yang mempengaruhi aras kompetensi penguasaan bacaan al-Quran di sekolah rendah. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi pencapaian dan penguasaan murid dalam proses pembelajaran. Faktor-faktor tersebut merangkumi faktor pengajaran termasuklah kandungan silibus, kaedah penyampaian guru, faktor murid yang meliputi sikap dan prestasi murid, faktor

*Corresponding author: Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia, email: firdausmanaf@uitm.edu.my
Diserahkan: 29 Mac 2025
Diterima: 28 Mei 2025
DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2025-1702-04>

keluarga termasuk penglibatan ibu bapa serta struktur institusi kekeluargaan. Selain itu, faktor persekitaran juga terlibat iaitu suasana sekeliling, pengaruh rakan sebaya serta sokongan komuniti setempat. Kesemua faktor ini boleh dikategorikan sebagai elemen utama yang menyumbang kepada keberkesanan penguasaan pembelajaran murid.

Kata kunci: Tilawah al-Quran; j-QAF; kompetensi murid

ABSTRACT

Tilawah al-Quran Model is one of the five main models contained in the j-QAF program. This model serves as an important element that aims to ensure that all Muslim students successfully complete the Quran recitation at the primary school level. This program also a systematic approach to ensure that students master the Quran recitation correctly and smoothly, and are able to read, understand and appreciate the values of the Quran effectively. Despite this, past studies have found that there are still students who are unable to master the Quran recitation correctly. Therefore, this study was conducted to explore the main factors in the Tilawah Quran Model through the implementation of the j-QAF program that influence the level of competency in mastering the Quran recitation in primary schools. The design of this study uses a survey method with a questionnaire instrument as a data collection tool. Initial findings of the study show that there are several main factors that influence student achievement and mastery in the learning process. These factors include teaching factors including syllabus content and teacher delivery methods, student factors including student attitudes and performance, family factors including parental involvement and the structure of family institutions. In addition, environmental factors are also involved, namely the surrounding atmosphere, peer influence and local community support. All of these factors can be categorized as key elements that contribute to the effectiveness of students' learning mastery.

Keywords: Tilawah al-Quran; j-QAF; student competence

PENGENALAN

Program j-QAF (Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain) yang diperkenalkan sejak tahun 2005 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan satu inisiatif bagi memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah. Salah satu komponen utama dalam program ini ialah Model Tilawah al-Quran yang bertujuan meningkatkan keupayaan murid membaca al-Quran dengan baik dan lancar.

Model Tilawah al-Quran merupakan elemen asas dalam pendidikan al-Quran. Ia dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Model ini menggunakan pendekatan *talaqqī* dan *mushāfahah*, iaitu teknik pembelajaran secara bersemuka dengan guru, di mana murid mendengar, membetulkan kesilapan dan melafazkan bacaan dengan lancar. Murid yang belum mahir dalam bacaan al-Quran akan dibimbing melalui kaedah Iqra', manakala murid yang sudah mahir akan melanjutkan pembelajaran menggunakan Modul Khatam al-Quran Enam Bulan (Bahagian Pendidikan Islam KPM 2015).

Bagi mencapai objektif Kementerian Pendidikan Malaysia, Model Tilawah al-Quran j-QAF telah disusun berdasarkan pendekatan sistematik yang merangkumi pelbagai faktor utama yang mempengaruhi aras kompetensi murid dalam pembacaan Iqra' dan al-Quran. Faktor-faktor tersebut meliputi pelbagai aspek yang boleh dikaji berdasarkan elemen dalam sistem pendidikan iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran, faktor keluarga, sekolah, murid, guru serta faktor luaran seperti persekitaran dan rakan sebaya.

Pemerhatian terhadap murid tahun satu mendapati bahawa sebanyak 70% murid tidak pandai membaca Iqra' sepenuhnya, dan hanya 54% menguasai Iqra' 3 dan ke atas (Mohamed et al. 2021). Murid juga gagal memperoleh prestasi bacaan al-Quran yang tinggi. Suatu kajian yang dijalankan mendapati bahawa sebanyak 35% murid memperoleh markah kurang daripada 65% (Bahrin et al. 2014). Masalah ini berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya, sebanyak 22% murid menyatakan bahawa buku Iqra' tidak menarik, menyebabkan mereka tidak berminat untuk belajar al-Quran menggunakan buku tersebut (Bahrin et al. 2014). Selain itu, terdapat murid yang tidak dipantau oleh ibu bapa atau penjaga (Mohamed et al. 2021). Guru-guru juga perlu memainkan peranan, antaranya dengan mempelbagaikan gaya penyampaian kaedah Iqra'. Satu kajian lain pula mendapati bahawa hanya 31% guru melagukan bacaan Iqra' semasa mengajarkannya (Mohamed et al. 2021).

Justeru itu, berdasarkan tinjauan pengkaji, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan isu ini menjadi semakin serius. Faktor-faktor tersebut perlu dikaji bagi mengenal pasti punca berlakunya masalah ini dan seterusnya mengenal pasti elemen utama yang boleh menjadi penyelesaian. Pelbagai kesan buruk akan berlaku sekiranya masalah ini tidak ditangani, seperti kelemahan dalam pemahaman serta penghayatan murid terhadap al-Quran. Selain itu, murid juga akan kehilangan minat dan motivasi untuk membaca al-Quran, yang akhirnya menyukarkan mereka dalam menghayati kewajipan ibadah harian seperti solat, doa, dan zikir. Kelemahan-kelemahan ini perlu ditangani sejak awal kerana ia boleh memberi kesan terhadap akidah, ibadah dan sahsiah murid.

METODOLOGI

Kajian yang dilaksanakan menggunakan instrumen soal selidik terhadap responden iaitu murid. Instrumen ini sebenarnya digunakan sebagai penilaian kepada responden terutamanya bagi mengetahui tahap penguasaan mereka mengenai al-Quran. Hal demikian memudahkan pengkaji bagi menilai tahap penguasaan murid tersebut untuk dibuat soal selidik. Kemudian soal selidik responden tersebut akan disemak dan dianalisis.

Kajian yang dilaksanakan menggunakan instrumen soal selidik terhadap murid di beberapa buah sekolah rendah di Negeri Sembilan. Instrumen tersebut digunakan untuk menilai tahap penguasaan mereka mengenai al-Quran setelah mengikuti kelas yang dijalankan dalam sesi persekolahan yang menggunakan Model Tilawah al-Quran j-QAF. Kemudian soal selidik responden tersebut akan dianalisis.

Responden kajian terdiri daripada murid-murid Tahun 6 beragama Islam yang bersekolah di sekolah kebangsaan sekitar daerah Jempol. Menurut data Pejabat Pendidikan Daerah Jempol, jumlah populasi murid Islam Tahun 6 adalah seramai 1435 orang. Berdasarkan kaedah Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel minimum yang sesuai ialah sekurang-kurangnya 302 orang. Kajian ini melibatkan 321 orang responden yang dipilih secara rawak dari empat buah sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Batu Kikir, Sekolah Kebangsaan Dato' Penghulu Luak Jempol, Sekolah Kebangsaan Felda Raja Alias 3 dan Sekolah Kebangsaan Rompin. Pemilihan murid Tahun 6 dilakukan kerana mereka berada di peringkat akhir pendidikan rendah dan sepatutnya telah menguasai dalam bidang al-Quran. Tambahan pula, tahap kematangan mereka sesuai untuk menjawab soal selidik secara berkesan.

Instrumen utama kajian adalah borang soal selidik bertulis yang mengandungi 35 soalan pilihan jawapan. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi lima soalan yang merangkumi maklumat peribadi responden seperti umur, jantina, pekerjaan ibu bapa dan tahap pembacaan al-Quran. Bahagian B pula terdiri daripada 10 soalan yang menilai tahap penguasaan murid terhadap bacaan dan hukum tajwid berdasarkan silibus Tilawah al-Quran dalam Modul Khatam al-Quran yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bahagian C mengandungi 35 soalan soal selidik berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan al-Quran seperti latar belakang keluarga, persekitaran sekolah, kaedah pengajaran guru serta faktor di rumah serta rakan sebaya.

Dalam pembinaan soalan, pengkaji memastikan penggunaan bahasa yang mudah difahami dan relevan dengan tahap pemahaman murid. Perkataan yang terlalu moden,

kompleks atau tradisional dielakkan agar tidak mengelirukan responden. Kajian ini turut menjalani proses penilaian oleh pakar untuk memastikan kualiti dan kesesuaian item soalan yang digunakan.

Sebelum data dikumpul, kebenaran rasmi diperoleh daripada pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah Jempol. Soal selidik diedarkan kepada responden di bawah pemantauan guru yang dilantik. Taklimat ringkas diberikan bagi memastikan murid memahami objektif kajian dan cara menjawab soalan. Setiap sesi berlangsung selama kira-kira satu jam, dan borang yang lengkap dikutip serta disusun untuk dianalisis.

Setelah data dikumpulkan, pengkaji menyemak semula semua borang soal selidik bagi memastikan tiada pengisian berganda dan ketepatan data. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti pengiraan frekuensi dan peratusan. Skor setiap bahagian dianalisis mengikut pemakatan tahap penguasaan. Reka bentuk metodologi kajian ini dirancang secara teliti bagi memastikan hasil kajian yang sahih dan boleh dipercayai. Pemilihan responden yang mewakili populasi sasaran serta penggunaan instrumen yang telah disahkan oleh pakar memberi kekuatan kepada kajian ini. Dapatan kajian diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi aras kompetensi di kalangan murid serta membantu pihak berkaitan merancang intervensi pendidikan yang lebih berkesan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Soal selidik yang dijalankan melibatkan 321 orang responden terdiri daripada murid-murid sekolah kebangsaan sekitar daerah Jempol yang merupakan dapatan utama kajian. Soal selidik tersebut mengandungi keseluruhan komponen kajian yang terdiri daripada pelbagai faktor yang diambilkira bagi memastikan kajian mencapai objektif. Secara keseluruhannya faktor-faktor utama yang dikaji berdasarkan konsep pembelajaran murid, pengajaran guru, faktor persekitaran yang melibatkan sekolah dan rumah, faktor keluarga serta faktor rakan sebaya.

I. Konsep Pembelajaran (Murid)

Bagi mengenal pasti bagaimana keadaan murid ketika sesi pembelajaran, analisis statistik deskriptif digunakan. Analisis kajian serta ringkasan dapat mengenai konsep pembelajaran dari sudut murid adalah seperti berikut:

JADUAL 1 Konsep pembelajaran (Murid)

BIL	SOALAN	n (%)
1	Saya sentiasa bersemangat pergi ke sekolah Ya Tidak	295 (91.9) 26 (8.1)
2	Saya minat membaca al-Quran di sekolah Ya Tidak	299 (93.1) 22 (6.9)
3	Saya seronok membaca al-Quran bersama guru dan kawan-kawan Ya Tidak	305 (95) 16 (5)
4	Saya merasa tertekan jika guru meminta saya membaca al-Quran Ya Tidak	53 (16.5) 268 (83.5)
5	Saya mudah belajar dan mengulangkaji pelajaran ketika di sekolah Ya Tidak	230 (71.7) 91 (28.3)
6	Modul Khatam al-Quran membantu saya membaca dengan betul dan bertajwid Ya TidakK	269 (83.3) 52 (16.2)

Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti murid (91.9%) sentiasa bersemangat untuk hadir ke sekolah. Selain itu, seramai 93.1% murid menyatakan minat membaca al-Quran di sekolah, manakala 95% pula berasa seronok apabila membaca al-Quran bersama guru dan rakan-rakan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat 16.5% murid yang melaporkan mereka berasa tertekan apabila diminta membaca al-Quran oleh guru, sementara selebihnya (83.5%) tidak mengalami tekanan dalam situasi tersebut. Dari segi pembelajaran, sebanyak 71.7% murid bersetuju bahawa mereka mudah belajar dan mengulangkaji pelajaran di sekolah. Dalam aspek keberkesanan penggunaan bahan bantu belajar, 83.3% murid menyatakan bahawa Modul Khatam al-Quran membantu mereka membaca al-Quran dengan betul dan mengikut hukum tajwid.

II. Konsep Pengajaran (guru)

JADUAL 2 Konsep pengajaran (guru)

BIL	SOALAN	n(%)
7	Guru membimbing dan membantu saya menguasai bacaan al-Quran Ya Tidak	301 (93.8) 20 (6.2)
8	Guru menyemak bacaan al-Quran saya ketika kelas tasmik Ya Tidak	287 (89.4) 34 (10.6)
9	Guru menggunakan pelbagai cara dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam pdp Ya Tidak	250 (77.9) 71 (22.1)

bersambung.....

sambungan.....

10	Guru menggunakan media elektronik, ICT atau komputer di dalam pdp	
	Ya	202 (62.9)
	Tidak	119 (37.1)
11	Guru memberi latihan atau kerja rumah	
	Ya	304 (94.7)
	Tidak	17 (5.3)
12	Guru memberi pujian kepada saya setelah membaca al-Quran atau setelah saya selesai membaca al-Quran	
	Ya	157 (48.9)
	Tidak	164 (51.2)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar murid (93.8%) bersetuju bahawa guru membimbing dan membantu mereka dalam menguasai bacaan al-Quran. Selain itu, 89.4% murid menyatakan bahawa guru mereka menyemak bacaan al-Quran semasa sesi tasmik. Dalam aspek kaedah pengajaran, 77.9% murid menyatakan bahawa guru menggunakan pelbagai cara dan bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), manakala 62.9% guru turut menggunakan media elektronik, ICT atau komputer dalam PdP. Dari segi tugas, 94.7% murid menyatakan bahawa guru memberi latihan atau kerja rumah berkaitan pembelajaran al-Quran. Walau bagaimanapun, hanya 48.9% murid menyatakan bahawa mereka menerima pujian daripada guru selepas membaca al-Quran, manakala 51.2% lagi tidak menerima pujian tersebut.

III. Faktor Persekitaran

JADUAL 3 Faktor persekitaran (Sekolah)

BIL	SOALAN	n (%)
13	Suasana pembelajaran di kelas dan sekolah saya baik dan selesai	
	Ya	278 (86.6)
	Tidak	42 (13.1)
14	Saya telah khatam al-Quran melalui program j-QAF di sekolah	
	Ya	62 (19.3)
	Tidak	259 (80.7)
15	Kitab al-Quran atau Iqra disediakan dan mencukupi untuk kegunaan murid di sekolah	
	Ya	304 (94.7)
	Tidak	17 (5.3)
16	Jumlah masa untuk mengaji di sekolah mencukupi	
	Ya	267 (83.2)
	Tidak	54 (16.8)
17	Sekolah saya mempunyai kemudahan fasiliti ICT yang baik	
	Ya	284 (88.5)
	Tidak	37 (11.5)
18	Sekolah saya mengadakan Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran setiap tahun	
	Ya	292 (91)
	Tidak	29 (9.0)

Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti murid (86.6%) merasakan suasana pembelajaran di kelas dan sekolah adalah baik dan selesa. Walau bagaimanapun, hanya 19.3% murid menyatakan bahawa mereka telah khatam al-Quran melalui program j-QAF di sekolah, manakala 80.7% belum khatam. Dalam aspek kemudahan, sebanyak 94.7% murid menyatakan bahawa kitab al-Quran atau Iqra’ disediakan dan mencukupi untuk kegunaan mereka di sekolah. Selain itu, 83.2% murid bersetuju bahawa jumlah masa untuk mengaji di sekolah adalah mencukupi. Dari segi prasarana, 88.5% murid melaporkan bahawa sekolah mereka mempunyai kemudahan fasiliti ICT yang baik. Akhir sekali, 91% murid menyatakan bahawa sekolah mereka mengadakan Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran pada setiap tahun, menunjukkan komitmen institusi terhadap program pengukuhan bacaan al-Quran dalam kalangan murid.

IV. Faktor Persekitaran (Rumah)

JADUAL 4 Faktor persekitaran (Rumah)

BIL	SOALAN	n(%)
19	Suasana di rumah saya baik dan selesa	
	Ya	314 (97.8)
	Tidak	7 (2.2)
20	Kitab al-Quran atau Iqra ada di rumah saya	
	Ya	313 (97.5)
	Tidak	8 (2.5)
21	Saya seronok mengaji al-Quran di rumah	
	Ya	283 (88.2)
	Tidak	38 (11.8)
22	Saya tidak selesa belajar atau membaca al-Quran di rumah	
	Ya	41 (12.8)
	Tidak	280 (87.2)
23	Saya mempunyai tempat yang selesa untuk belajar dan membaca al-Quran di rumah	
	Ya	292 (91.0)
	Tidak	29 (9.0)
24	Saya sering mengikuti aktiviti berkaitan dengan al-Quran di kawasan rumah saya	
	Ya	126 (39.3)
	Tidak	195 (60.7)

Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa hampir semua murid (97.8%) menyatakan suasana di rumah mereka adalah baik dan selesa manakala 97.5% murid mengesahkan bahawa mereka memiliki kitab al-Quran atau Iqra’ di rumah. Selain itu, 88.2% murid melaporkan bahawa mereka berasa seronok apabila mengaji al-Quran di rumah. Walau bagaimanapun, 12.8% murid mengakui mereka tidak selesa untuk belajar atau membaca al-Quran di rumah berbanding 87.2% yang menyatakan sebaliknya. Dari segi ruang pembelajaran, 91% murid menyatakan bahawa mereka mempunyai tempat yang selesa untuk belajar dan membaca al-Quran di rumah. Namun begitu, hanya 39.3% murid yang sering mengikuti aktiviti berkaitan dengan al-Quran di kawasan tempat tinggal mereka, manakala majoriti (60.7%) tidak terlibat secara aktif dalam aktiviti sedemikian.

V. Faktor Keluarga

JADUAL 5 Faktor keluarga

BIL	SOALAN	n (%)
25	Saya dan keluarga sering membaca al-Quran di rumah	
	Ya	204 (63.6)
	Tidak	117 (36.4)
26	Saya seronok apabila bersama-sama membaca al-Quran dengan keluarga saya	
	Ya	271 (84.4)
	Tidak	50 (15.6)
27	Keluarga saya sering membantu saya ketika saya mengulangkaji pelajaran di rumah	
	Ya	271 (84.4)
	Tidak	50 (15.6)
28	Keluarga saya menyokong saya untuk mengaji al-Quran	
	Ya	281 (87.5)
	Tidak	40 (12.5)
29	Ibubapa saya menghantar saya mengaji di surau atau rumah Ustaz atau Ustazah	
	Ya	211 (65.7)
	Tidak	110 (34.3)

Hasil kajian menunjukkan bahawa 63.6% murid menyatakan mereka dan keluarga sering membaca al-Quran bersama di rumah, manakala 36.4% tidak berbuat demikian. Selain itu, seramai 84.4% murid melaporkan bahawa mereka berasa seronok apabila dapat membaca al-Quran bersama keluarga, dan peratus yang sama (84.4%) menyatakan bahawa keluarga mereka sering membantu dalam mengulangkaji pelajaran di rumah. Sokongan keluarga terhadap pembelajaran al-Quran turut ditunjukkan melalui dapatan bahawa 87.5% murid yang menyatakan keluarga menyokong mereka untuk mengaji al-Quran. Di samping itu, 65.7% murid menyatakan bahawa ibu bapa mereka menghantar mereka mengaji di surau atau rumah ustaz atau ustazah, manakala 34.3% tidak dihantar untuk mengaji di luar rumah.

VI. Faktor Rakan Sebaya

JADUAL 6 Faktor rakan sebaya

BIL	SOALAN	n(%)
30	Saya mempunyai rakan yang pandai membaca al-Quran	
	Ya	306 (95.3)
	Tidak	15 (4.7)
31	Saya akan bertanya kepada rakan jika tidak tahu sesuatu tentang al-Quran	
	Ya	266 (82.9)
	Tidak	55 (17.1)
32	Rakan saya membantu saya untuk mendalami al-Quran	
	Ya	221 (68.8)
	Tidak	100 (31.2)
33	Terdapat rakan saya yang telah khatam al-Quran	
	Ya	288 (89.7)
	Tidak	33 (10.3)

bersambung.....

sambungan.....

34	Terdapat rakan yang mengganggu saya jika saya sedang belajar atau membaca al-Quran	128 (39.9)
	Ya	193 (60.1)
	Tidak	
35	Terdapat rakan saya yang memberi semangat kepada saya untuk belajar dan membaca al-Quran.	
	Ya	220 (68.5)
	Tidak	101 (31.5)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid (95.3%) mempunyai rakan yang pandai membaca al-Quran. Selain itu, 82.9% murid bersetuju bahawa mereka akan bertanya kepada rakan sekiranya tidak mengetahui sesuatu tentang al-Quran. Sokongan daripada rakan juga dilihat apabila 68.8% murid menyatakan bahawa rakan mereka membantu dalam mendalami al-Quran. Seramai 89.7% murid melaporkan bahawa terdapat rakan yang telah khatam al-Quran dalam lingkungan mereka. Walaupun begitu, 39.9% murid mengakui bahawa terdapat rakan yang mengganggu mereka ketika belajar atau membaca al-Quran, namun majoriti iaitu 60.1% tidak mengalami gangguan sebegitu. Dalam aspek motivasi pula, 68.5% murid menyatakan bahawa rakan mereka memberi semangat untuk belajar dan membaca al-Quran, sementara 31.5% lagi tidak menerima semangat tersebut daripada rakan sebaya mereka.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor sokongan keluarga dan peranan guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi minat dan penguasaan murid dalam bacaan al-Quran seterusnya mempengaruhi aras kompetensi murid tersebut ke atas penguasaan mereka di Model Tilawah al-Quran j-QAF. Sokongan keluarga yang baik seperti membaca bersama, membantu mengulang kaji pelajaran dan menghantar murid mengaji, memberikan motivasi yang kuat kepada murid untuk terus mendalami al-Quran dilihat sangat mempengaruhi murid. Di samping itu, peranan guru yang membimbing, menyemak bacaan, serta menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang kreatif dan berasaskan teknologi turut memperkukuh pemahaman dan minat murid terhadap pembelajaran terutamanya dalam bidang al-Quran.

Faktor rakan sebaya juga memainkan peranan penting terutamanya dalam membantu dan memberi semangat kepada seseorang walaupun terdapat juga gangguan yang sedikit memberi kesan kepada sesetengah murid. Suasana pembelajaran yang kondusif di rumah dan sekolah turut menyumbang kepada keberhasilan pembelajaran al-Quran mereka. Secara keseluruhannya sokongan keluarga dan bimbingan dari guru dilihat sebagai faktor utama, manakala rakan sebaya dan faktor persekitaran

pembelajaran berperanan sebagai faktor penyokong dalam meningkatkan motivasi dan penguasaan murid terhadap bacaan al-Quran.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

- Azza Salsabila dan Puspitasari. 2020. Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi belajar siswa sekolah dasar. *Jurnal Pendidikan dan Dakwah* 2(2): 278-288.
- Bahagian Pendidikan Islam KPM. 2015. *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Cholid Ma'arif. 2017. Kajian al-Quran di Indonesia: Telaah historis. *Jurnal QOF. Pasca Sarjana STAIN Kediri* 1 (2): 117-127.
- Daud Ismail, Wan Mohd Khairil Firdaus & Mahadi Mohamad. 2014. Perkembangan dan masalah pembelajaran al-Quran dalam program j-QAF di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 36 (2): 57-66.
- Doreen Tiang Jia Chzin & Shahlan Surat. 2020. Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Sosial Science and Humanities* 6 (12): 137-157.
- Doreen Ting Jia Chzin & Shahlan Surat. 2021. Sorotan literatur bersistematik : Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6 (12): 137-157.
- Fairuz bin Shamsudin. 2016. Strategi pengajaran pemulihan Jawi j-QAF di sekolah rendah, Perak. Desertasi Ijazah Sajana, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Fatahiyah Elias, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2022. Elemen-elemen pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran akidah dan impaknya. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47 (1): 31-41.
- Hafizah Abdul Razak. 2015. *Hubungan Antara Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar*, Desertasi Ijazah Sarjana Muda Sains, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Halimatus Saadiah Kariya. 2020. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(4): 9-18.
- Hanifah Mahat, Paulin Chang Poh Lin, Nasir Nayan, Mohmadisa Hashim & Yazid Saleh. 2017. Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran geografi sekolah menengah di Sabah. *Jurnal Sains Humanika* 9(2): 1-7.

- Ibn Khaldun, Abd Rahman Muhammad Khaldun al-Hadrami. 2022. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julaila Safari & Abdul Halim Abdullah. 2019. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian kursus matematik kejuruteraan 1 dalam kalangan pelajar politeknik di Johor. *Jurnal Sains Sosial* : 209-224.
- Kamus Dewan Perdana*. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Krejcie, R. & Morgan, D. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Mohamed, S., Abd Wahab, M. Z., Sulaiman, N. & Majid, M. A. 2021. Model baru pengajaran al-Quran menggunakan kaedah Iqra': New model of teaching al-Quran using Iqra' method. *Jurnal Pengajian Islam* 14(2): 28-42.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 34 (1): 93-109.
- Mohd Erfy Ismail et.al. 2019. Factors that inflence students learning: An observation on vocational students. *Journal of Technical Education and Training* 11(1): 93-99.
- Mohd Hanafi bin Mamat & Hamdi bin Ishak. 2016. Model khatam al-Quran j-QAF: Pengaruh terhadap impak pembelajaran murid. *Jurnal al-Turath* 1(2): 34-42.
- Mohd Hanafi Bin Mamat. 2017. Faktor pembelajaran dan kesan pencapaian murid dalam model khatam al-Quran J-Qaf, kajian di Sekolah Kebangsaan Kawasan Bandar Baru Bangi, Selangor. Desertasi Ijazah Sajana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Mohd Syakir Mokhtar & Mohd Farid Mohd Sharif 2021. Kaedah talaqqi musyafahah dalam tilawah al-Quran. *Jurnal MANU* 31 (1): 153-174.
- Mohd Syaubari Bin Othman. 2022. Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam berorientasikan pembelajaran teradun oleh pentadbir berdasarkan Model Dick & Carey di Negeri Perak. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 9: 53-61.
- Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi & Norhisham Mohamad. 2022. Pelaksanaan kaedah pengajaran berkesan dalam pengajaran tajwid al-Quran dalam kalangan guru kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di Negeri Kedah. *INSANIAH: Online Jurnal of Language, Communication dan Humanities* 5(1): 40-55.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Muhammad Zaid Shamsul Kamar, Mohamad Redha Mohamad & Ilman Mursyid Idris. 2021. Penerapan Bahasa Arab dalam kurikulum kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam* 14 (1): 13-19.
- Muhammad Shafiq dan Noraini. 2018. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sarjana muda psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial* 7: 77-87.
- Nabiroh Kasim, Hajarul Zakaria & Mohd Huzairi Awang. 2020. Kerangka teoritikal kajian amalan penerapan nilai dalam pengajaran tilawah al-Quran sekolah rendah. Konferensi Internasional Pendidikan Guru Ke-4. Anjuran Konferensi Bersama Antara Universitas Pendidikan Indonesia (Upi), Indonesia Dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsu), Malaysia, 8-10 November 2010.
- Rabeah Ghazali & Sabri Mohamad. 2019. Amalan talaqqi dan musyafahah dalam guru pendidikan Islam SJKC. *At Tahkim*: 9 (18): 1-6.
- Rashidah Md Hasan, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya 2016. Kaedah pembelajaran serentak dalam meningkatkan pencapaian kelancaran bacaan, fasahah dan hukum tajwid murid sekolah rendah. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016*, Auditorium Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 21-22 Mei 2016.
- Rizuan Bin Mohd. 2016. Amalan penyeliaan pengajaran oleh pentadbiran dan komitmen guru dalam program j-QAF. Desertasi Ijazah Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sabariah Bahrin, Saiful Akhyar Lubis & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2014. Pelaksanaan kurikulum j-QAF oleh guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah. *Jurnal Usuluddin* (Jan - Jun 2014) 39: 135-157.

- Salehudin bin Sabar .2019. Ciri al-Hikmah dalam pengajaran al-Quran sekolah rendah di Bandaraya Kuching, Sarawak. Desertasi Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip, Mohamed Fuad Ishak & Siti Nga'ishah Mohni. 2018. Analisis tahap penguasaan bacaan al-Quran murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Tanjung Karang berdasarkan model khatam al-Quran dan model tasmik j-QAF. International Conference on Islamic Education & Research (ICIER). 1-19.
- Shahrulanuar Mohamed, Mohd Zulfadzli Abd Wahab, Noraini Sulaiman & Mariam Abd Majid. 2021. Model baru pengajaran al-Quran menggunakan kaedah Iqra': New model of teaching al-Quran using Iqra' meathod. *Jurnal Pengajian Islam* 14 (2): 28-42.
- Suryati binti Basra. 2013. Respon murid terhadap model enam bulan khatam al-Quran dan tasmik di bawah program J-QAF sekolah rendah di Daerah Hulu Langat, Selangor. Desertasi Ijazah Sajana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Mohd Saidi bin Jaafar. 2018. Faktor menyumbang terhadap akademik pelajar-pelajar sekolah menengah. Desertasi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Zainab binti Nawab Khan. 2021. Pemikiran kritis dalam pengajaran dan pembelajaran. Kertas Kerja dalam Seminar Bahasa, Budaya dan Kesusasteraan Melayu IV. Universiti Hasanuddin Makassar, Indonesia, 29-30 September 2021.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusof & Abdul Fatah Shaharudin. 2012. Pendidikan menurut al- Quran dan Sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 7-22.
- Zuraimy bin Ali 2017. Komitmen guru-guru pendidikan Islam: Etika kerja Islam sebagai moderator. Desertasi Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok.